

4 inisiatif atasi isu kekurangan beras

Harga Beras Putih Import turun, perluas aktiviti jualan Agro MADANI antara langkah disetujui

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam mengumumkan empat inisiatif untuk mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran.

Keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, semalam.

Antara keputusan dicapai, kerajaan bersetuju supaya harga jualan runcit Beras Putih Import (BPI) diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa hari ini.

“Bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah, kerajaan melalui mesyuarat NACCOL bersetuju supaya penurunan harga jualan runcit BPI di antara RM2 hingga RM3 di pasaran dilaksanakan berkuat kuasa pada Rabu, 20 Mac 2024.

“Kerajaan optimis inisiatif ini dapat bantu rakyat kurangkan kos sara hidup terutamanya semasa bulan Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang,” kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan petang semalam.

Kementerian itu turut mengumumkan bagi meningkatkan pengedaran Beras Putih Tempatan



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)

(BPT) di pasaran, kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta merta.

Langkah lain, kerajaan turut bersetuju semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI, sekali gus membolehkan bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran mulai bulan depan.

Jualan MADANI diperluas

Dalam meluaskan jaringan pengedaran BPT, aktiviti Jualan

Agro MADANI yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga akan diperluas dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program.

KPKM memberi jaminan akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara bagi memastikan semua inisiatif diumumkan dilaksanakan sepenuhnya.

“Sesungguhnya keputusan ini mencerminkan komitmen utuh kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat dan seterusnya memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan negara.

“Semua langkah ini akan dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran.

“KPKM juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pemegang taruh untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik untuk memastikan industri padi dan beras adalah mampan.

“Ia terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara,” katanya.